

27/08/2002

Kereta kebal Poland dibeli dengan minyak sawit

KUALA LUMPUR, Isnin - Pembelian 48 kereta kebal utama jenis PT 91 M dan 14 kenderaan sokongan dari Poland akan dikaitkan dengan penjualan komoditi Malaysia seperti minyak sawit kepada negara Eropah Timur itu.

Selain itu, ia juga akan membabitkan pemindahan teknologi dan latihan mengendalikan kereta kebal serta kenderaan sokongan.

Perundingan teknikal mengenai pembelian itu sudah selesai dan rundingan kini memasuki peringkat komersial yang akan menentukan harga pembelian.

"Proses rundingan itu dijangka selesai menjelang hujung tahun ini. Lebih cepat lebih baik," kata Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak kepada pemberita selepas menerima kunjungan Menteri Luar Poland, Dr Wlodzimerz Cimoszewicz dan rombongannya di Kementerian Pertahanan, di sini, hari ini.

Kereta kebal PT91 adalah berdasarkan model T72 buatan Russia dengan kebolehan yang sudah diperbaiki dan dipertingkatkan serta dilengkapi dengan sistem tembakan SAVAN15 buatan syarikat Sagem dari Perancis.

Mei lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan keputusan kerajaan membeli kereta kebal berkenaan selepas menilai tawaran dari tujuh negara lain termasuk Russia, Ukraine dan Sweden.

Keputusan itu dibuat kerana kereta kebal buatan Poland didapati terbaik dan memenuhi kehendak pertahanan negara. Pembelian itu akan dilaksanakan secara satu pakej yang merangkumi pemindahan teknologi dan peraturan komersial yang boleh memberangsangkan ekonomi negara termasuk pembelian barangan Malaysia.

Najib berkata, kereta kebal itu akan dipasang di Poland tetapi beberapa komponen penting akan diubahsuai dan dipasang di Malaysia.